

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)**

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sebab-sebab harga barang basah masih lagi tinggi walaupun cukai GST telah dimansuhkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menyatakan secara umumnya, barangan keluaran pertanian atau barang basah seperti ayam, ikan, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan tidak dikenakan cukai GST atau SST kecuali aktiviti lain di sepanjang rangkaian bekalan seperti logistik, input pertanian dan lain-lain. Oleh itu, turun naik harga barang basah tidak dipengaruhi oleh kadar cukai GST atau SST.

Faktor utama yang menentukan turun naik harga barangan basah lebih dipengaruhi oleh faktor penawaran dan permintaan. Oleh itu terdapat barangan yang mengalami kenaikan dan penurunan harga bagi kategori barangan basah. Namun trend harga barangan tersebut adalah dalam keadaan stabil. Jika kita banding harga barang basah di dalam bulan Januari 2018 dengan Januari 2019 diantara 31 item yang dalam tinjauan kementerian kami, terdapat 18 item mengalami penurunan harga manakala 13 item mengalami kenaikan harga.